

09/10/1998

Chanakya cara mudah atasi Y2K

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Seorang penganalisis komputer dari India, S Jayaprasannaraj, menemui kaedah lebih mudah, cepat dan murah untuk mengatasi Masalah Tahun 2000 (Y2K).

Beliau mendakwa, kaedah itu juga boleh mengurangkan kos membaik pulih sistem komputer antara 60 hingga 70 peratus. Kos baik pulih Y2K global ketika ini dianggarkan pada sekitar AS\$6 bilion (RM22.8 bilion).

Menurutnya, kaedah itu yang dikenali sebagai `Chanakya', bebas daripada sebarang format, bahasa komputer dan landasan sedia ada serta tidak menggunakan teknik menambah nilai kurun kepada pangkalan data masa komputer.

"Menerusi Chanakya, kita meneliti nukleus masalah itu dan bukannya mengubah suai perisian masa komputer berkenaan. Kita tidak perlu membaiki program, sebaliknya `bahasa' komputer yang harus dinaik taraf," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelancaran global Chanakya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini. Majlis itu disempurnakan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Daud.

Masalah Y2K atau Millennium Bug ialah satu fenomena global ekoran sistem penyimpanan data tahun dalam bentuk singkatan dua digit.

Singkatan itu menyebabkan timbul masalah menjelang tahun 2000 kerana fungsi tahun sering diguna untuk pengiraan, perbandingan dan pengisihan dalam hampir semua proses kerja membabitkan sistem komputer.

Jika tidak diatasi segera, ia akan menyebabkan sistem komputer gagal berfungsi, sekali gus mewujudkan keadaan kucar-kacir dalam sistem sosioekonomi dunia.

Jayaprasannaraj berkata, Malaysia dipilih sebagai tapak pelancaran konsep baru itu kerana ia dianggap tepat dan selaras visi negara ke arah menjadi negara termaju di bidang teknologi maklumat.

Beliau menegaskan, Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah contoh terbaik usaha pembangunan IT Malaysia, yang seharusnya membantu negara maju ke hadapan dalam bidang teknologi maklumat.

Bagi membantu usaha itu, katanya, beliau akan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan penemuan berkenaan sebagai daya tarikan utama MSC.

"Kami sudah mengemukakan permohonan untuk menemui Perdana Menteri bagi menjadikan Malaysia pangkalan utama bagi Chanakya bersama-sama dengan India," katanya.

Menurut Jayaprasannaraj, konsep Chanakya mengambil tempoh dua tahun untuk dicipta.

(END)